

DATE: 13/4/2011

10 lagi projek ETP bakal diumumkan

Program capai 120 peratus sasaran walaupun baru setahun dilaksanakan



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak bakal mengumumkan sembilan atau 10 lagi projek permulaan (EPP) menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara Jumaat ini.

Ia adalah pengumuman kelima ETP sejak yang pertama pada 25 Oktober tahun lalu membabitkan 60 EPP dengan pelaburan keseluruhan bernilai RM95.35 bilion yang dianggarkan menyumbang sehingga RM137.2 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia menjelang 2020 dan mampu mewujudkan sehingga 224,000 pekerjaan baru.

"Kami akan mengumumkan beberapa lagi projek dalam pengumuman kelima ini," kata Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Seri Idris Jala pada Invest Malaysia 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

Mengenai pencapaian Program Transformasi Kerajaan (GTP), beliau berkata,

program itu berjaya mencapai 120 peratus sasarannya walaupun baru setahun dilaksanakan.

"Ketika ini jumlah pelaburan asing semakin banyak masuk ke negara ini dan angka perdagangan serta perbelanjaan adalah bukti kejayaan GTP.

"Berdasarkan usaha dilaksanakan, saya percaya bermula setahun dari sekarang, projek yang sedang dan akan diumumkan akan menjadi pemacu ekonomi negara," katanya.

Difahamkan, antara EPP yang akan diumumkan Perdana Menteri membabitkan projek dalam sektor minyak, gas dan tenaga, serta pembangunan Greater KL dan Lembah Klang.

Ia berkemungkinan termasuk pembangunan projek Rel Kelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura yang dikenal pasti sebagai pemangkin berpotensi untuk meningkatkan perjalanan antara kedua-dua bandar raya itu.

Projek Rel Kelajuan Tinggi



IDRIS ketika berucap sesi pleno mengenai program transformasi pada Invest Malaysia 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur-Singapura itu adalah antara projek yang sudah dikenal pasti menerusi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pembangunan Greater KL dan Lembah Klang.

FAKTA NOMBOR

224,000 pekerja

Peluang tenaga kerja diwujudkan menjelang 2020

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam kenyataannya sebelum ini berkata kajian daya maju projek itu yang dilaksanakan bersama pihaknya dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan PEMANDU dijangka disiapkan Jun ini.

Rancangan pembangunan projek berimpak tinggi itu adalah sebahagian pelan jangka panjang bagi meningkatkan kegiatan ekonomi antara kedua-dua negara menerusi rel kelajuan tinggi menghubungkan Pulau Pinang-Kuala Lumpur-Si-

ngapura.

Menerusi ETP, kerajaan menumpu kepada 12 NKEA yang mampu menyokong sasaran menjadikan negara ini sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

NKEA terbabit adalah dalam sektor minyak, gas dan tenaga; sawit; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan perniagaan; elektronik dan elektrik; pemborong dan peruncit; penjagaan kesihatan; infrastruktur dan isi kandungan komunikasi; pertanian serta pembangunan Greater KL dan Lembah Klang.